

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**


**LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN**

**( SOALAN NO.8 HINGGA NO. 67 )**

**[ SOALAN NO.4 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN SOALAN NO.28,**

**SOALAN NO.39 DAN SOALAN NO.43]**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**



**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2018)**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **YB CHE DR. ROSLI BIN CHE MAT**  
**[HULU LANGAT]**  
**TARIKH** : **12 MAC 2018 [ISNIN]**  
**SOALAN** : **8**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan :-

- (a) sejauh mana pencapaian Kementerian dalam usaha mempromosikan minat pelajar terhadap Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Matematik (STEM) ; dan
- (b) berapa peratus pencapaian dan berapa lama tempoh promosi dijalankan.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sentiasa komited dalam melaksanakan pelbagai inisiatif yang berorientasikan kepada usaha-usaha memupuk minat dan membudayakan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) di kalangan pelajar-pelajar.

Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah menerapkan elemen STEM menerusi **program pembudayaan STI** seperti program Program Karnival Kreativiti dan Sains4u (Sc4u), PSN SciFest, Kejohanan Raket

Kebangsaan, Kimia Ke Desa, Pertandingan Robot Tempur Malaysia dan *National Science Challenge*. Modul-modul program ini dibentuk bagi menarik minat pelajar melalui pendekatan aktiviti berkonsepkan *hand's on* dan *mind's on*.

Sebagai contoh, Pertandingan *National Science Challenge* yang dianjurkan sejak tahun 1999. Pertandingan ini merupakan sebuah pertandingan sains yang direka untuk meningkatkan kefahaman, kesedaran dan penghayatan terhadap kajian sains di kalangan pelajar tingkatan empat. Pada tahun 2017, seramai 11,790 orang pelajar tingkatan empat dari seluruh negara telah menyertai pertandingan ini.

Di peringkat IPT, MOSTI menganjurkan Pertandingan Robot Tempur Malaysia yang diadakan setiap tahun bermula 2014. Pertandingan ini telah menarik penyertaan seramai 40 pasukan setiap tahun yang terdiri daripada IPT awam, swasta dan Institut Latihan Perindustrian seluruh Malaysia. Aktiviti berkonsepkan pertandingan ini merupakan antara salah satu elemen pembelajaran sains tidak formal yang bukan sahaja dapat mencetus kreativiti di kalangan pelajar malah dapat meningkatkan minat mereka terhadap STEM.

MOSTI juga telah menganjurkan *National Innovation and Creative Economy Expo 2017* (NICE 2017) yang telah berlangsung dengan jayanya pada 12 hingga 16 Oktober 2017. NICE 2017 merupakan satu acara terbesar yang mempamerkan teknologi R&D tempatan supaya ia dihargai di samping menyemarak dan membudayakan STEM dalam segenap segenap lapisan masyarakat termasuk generasi muda.

Ekspo NICE 2017 berlangsung selama 5 hari telah berjaya menarik seramai 345,000 orang pengunjung. Melihat kepada sambutan yang menggalakkan, pihak Kementerian pada masa ini telah memulakan perancangan untuk melaksanakan NICE 2019 dengan hasrat untuk menarik 500,000 orang pengunjung.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan telah menetapkan sasaran untuk meningkatkan dan mencapai nisbah pengajian sains:sastera kepada 60:40 menjelang 2020.

Peratus enrolmen pelajar dalam bidang STEM pada tahun 2017 seperti mana data yang diperoleh daripada KPM berada pada tahap 45.7% berbanding 54.3% pelajar dalam bidang bukan STEM.

Untuk mencapai sasaran yang ditetapkan, usaha yang bersepadu dari semua pihak perlu dipergiat memandangkan pembangunan dalam bidang STEM menerusi pendidikan memerlukan masa yang panjang untuk mencapai hasil yang dikehendaki.

Dalam hal ini, MOSTI dengan kerjasama pelbagai pihak khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah menggubal **Pelan Tindakan Strategik Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dan Matematik (STEM) Nasional 2018-2025**. Matlamat utama Pelan ini adalah bagi meningkatkan penyertaan pelajar dalam aliran STEM dan seterusnya merealisasikan hasrat Kerajaan untuk mencapai sasaran nisbah 60 peratus pelajar dalam bidang STEM dan 40 peratus dalam bidang bukan STEM.

5

Diharap pelaksanaan pelan tindakan ini akan dapat meningkatkan minat pelajar terhadap STEM dan secara tidak langsung akan membantu inisiatif Kerajaan untuk menghasilkan tenaga kerja mahir dalam bidang STEM yang amat diperlukan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.